

## BAB 5

### KESIMPULAN

Mengkaji liku-liku yang telah dilalui oleh PPPJJ dalam penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh telah banyak memberi pengetahuan bagaimana komitmen yang tinggi amat diperlukan untuk memastikan matlamat pusat pengajian untuk menghasilkan bahan pengajaran yang bermutu telah tercapai. Bermula dengan ketiadaan pengetahuan tentang penerbitan buku, pusat pengajian ini telah membuat perancangan yang teliti dengan menyediakan program-program khusus dalam aspek-aspek penulisan, penyuntingan, penyemakan dan penyediaan NSK.

Meninjau kembali tujuan kajian ini dijalankan, ada tiga objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini iaitu :

- (i) meninjau penglibatan PPPJJ dalam penerbitan buku teks
- (ii) meninjau proses penerbitan buku teks di PPPJJ
- (iii) meninjau permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh PPPJJ serta memberikan cadangan-cadangan penambahbaikan.

Untuk memenuhi objektif kajian ini, pengkaji terpaksa mendapatkan maklumat yang sebahagiannya berupa sejarah. Umpamanya, pengkaji menghadapi kesukaran untuk mengumpul senarai 32 judul Edisi Awal yang telah diterbitkan oleh PPPJJ pada tahun 1980-an kerana buku-buku tersebut telah

tidak digunakan lagi sebagai teks pembelajaran pelajar. Sebahagian daripada kursus telah tidak lagi ditawarkan ataupun telah menggunakan bahan-bahan baru berupa modul-modul yang telah ditulis semula mengikut keperluan kursus.

Dalam tempoh masa lebih 20 tahun telah banyak perubahan yang dilalui oleh PPPJJ namun masih dengan misi yang sama iaitu memainkan peranan besar dalam dunia pendidikan melalui penawaran satu corak pengajian yang berbeza daripada bentuk pengajian yang konvensional. Matlamat untuk memberi peluang pendidikan kepada masyarakat dari kalangan mereka yang telah bekerja, pusat pengajian ini ternyata telah memainkan peranan yang besar kerana telah berjaya melahirkan lebih 11,000 graduan di pelbagai bidang pengajian.

Kejayaan yang diperolehi itu tidak mungkin akan tercapai tanpa kekuatan pengurusan PPPJJ yang sentiasa memikirkan kaedah terbaik untuk mencapai matlamat pendidikan yang telah disenaraikan. Salah satu daripada aspek penting yang telah diberi perhatian ialah kaedah bahan pembelajaran yang digunakan bagi mendidik seramai lebih 4000 orang pelajar di seluruh tanah air termasuk Sabah dan Sarawak. Oleh itu penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh adalah satu usaha yang sangat wajar untuk membolehkan pelajar mengikuti pelajaran dengan lebih berkesan lagi.

Perlu dinyatakan bahawa kaedah pengajaran secara telesidang video hanya meliputi pusat-pusat wilayah Semenanjung sahaja. Seramai 140 orang pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak hanya akan menerima salinan-salinan cakera padat rakaman kuliah-kuliah yang dijalankan menerusi sidang video itu. Oleh itu mereka benar-benar bergantung kepada buku Siri Pendidikan Jarak Jauh sebagai teks asas pembelajaran mereka.

Oleh yang demikian pihak pentadbiran PPPJJ sentiasa memandang serius terhadap usaha penerbitan ini dan sentiasa memikirkan cara terbaik untuk meningkatkan penerbitan bahan ini bukan saja dari sudut penambahan jumlah yang dapat diterbitkan setiap tahun tetapi juga peningkatan dari segi kualiti bahan ilmiah ini.

Sepanjang 22 tahun berusaha dalam penerbitan buku teks, pusat pengajian ini telah berjaya menerbitkan sejumlah 32 judul Siri Modul-Edisi Awal bersama Penerbit USM, 20 judul penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama Dewan Bahasa dan Pustaka, 35 judul Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama Utusan Publications & Distributors dan dua judul Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama Penerbit USM. Selain daripada itu PPPJJ masih lagi meneruskan proses beberapa judul yang kini berada di pelbagai peringkat iaitu penilaian, penyemakan, penyuntingan dan atur huruf.

Meskipun hanya sebagai sebuah pusat pengajian di universiti, dan bukannya sebuah penerbit, PPPJJ tetap berusaha memikirkan kaedah terbaik bagi menerbitkan buku teks. Mekanisme yang terbaik ialah secara bekerjasama dengan penerbit tempatan yang membolehkan kesepakatan antara kedua-dua institusi ini berusaha menerbitkan buku teks dan menambah bilangan penerbitan buku ilmiah.

### **5.1 Permasalahan dalam Penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh**

Penerbitan siri ini tidak mungkin dilalui dengan begitu mudah. Sudah pasti banyak cabaran yang terpaksa dilalui dan banyak pula masalah yang perlu diselesaikan. Menangani permasalahan yang wujud memerlukan komitmen yang tinggi khususnya daripada pihak pengurusan kerana tujuan utama yang perlu dipenuhi ialah memastikan bahawa buku mesti diterbitkan menepati masa yang ditetapkan, manakala pelajar pula harus mempunyai bahan pembelajaran yang lebih berkualiti. Pengurusan PPPJJ mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan matlamat ini tercapai. Jika diteliti keseluruhan proses penerbitan buku teks di PPPJJ, permasalahan yang wujud boleh di kategorikan kepada beberapa aspek yang akan dibincangkan seterusnya.

### 5.1.1 Aspek prosedur penerbitan

Jika diteliti daripada senario penerbitan yang dilalui oleh PPPJJ, bermula daripada penglibatan awal menerbitkan Siri Modul-Edisi Awal, proses penerbitannya agak mudah. Ini kerana manuskrip/modul yang telah siap untuk diterbitkan (melepasi keseluruhan prosedur penerbitan) terus diserahkan kepada pihak Penerbit USM untuk proses selanjutnya iaitu proses mekap sehinggalah cetakan. Semua proses reka bentuk dan lakaran kulit buku juga diserahkan kepada kepakaran pihak Penerbit USM untuk melakukannya manakala pihak PPPJJ yang tidak mempunyai kepakaran menyerahkan kepada kebijaksanaan dan kepakaran Penerbit USM untuk melakukannya.

Oleh kerana tumpuan khusus telah diberikan oleh semua pensyarah yang menulis buku ini, maka penerbitan Edisi Awal menjadi lancar dan sehingga tahun 1989 dapat menghasilkan sebanyak 32 judul.

Namun jika diteliti kepada prosedur penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama DBP dan Utusan, proses yang dilalui oleh sesebuah manuskrip itu agak panjang. Keseluruhan proses bermula daripada manuskrip dinilai sehingga ke penyediaan NSK, masa yang diambil adalah melebihi tujuh bulan. Malah tidak dinafikan ada manuskrip yang melewati masa hingga satu tahun atau lebih. Tambahan pula setiap staf khususnya penulis terlibat dengan pengajaran yang memerlukan tumpuan.

penerbitan. Untuk masa akan datang PPPJJ harus memperbaiki siri ini dalam segala aspek. Umpamanya reka bentuk teks yang lebih kreatif atau penggunaan grafik berwarna yang menarik.

Kesimpulannya, kajian ini telah dapat memperlihatkan usaha sebuah pusat pengajian menerbitkan buku Siri Pendidikan Jarak Jauh yang berkualiti untuk dijadikan buku teks bagi seramai lebih 4,000 orang pelajar pengajian ini di seluruh negara. Penerbitan siri ini yang bermula sejak 22 tahun yang lalu berjaya menjadi perantara antara pensyarah dan pelajar. Kejayaan rancangan pengajian ini melahirkan seramai 11,130 orang graduan di pelbagai bidang telah membuktikan bahawa buku ini telah memberi sumbangan kepada kejayaan pelajar jarak jauh dan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia khususnya.

Satu perkara yang berlaku di PPPJJ ialah terdapat keadaan di mana editor hanya membuat penyuntingan pertama sahaja terhadap manuskrip. Pembetulan yang telah dibuat oleh jurutaip serta semakan-semakan seterusnya dilakukan oleh penulis yang bekerjasama dengan jurutaip dalam proses-proses yang seterusnya. Sebenarnya ada sebab mengapa terjadi sedemikian. Penulis memberi tumpuan kepada proses seterusnya tanpa melibatkan editor kerana tidak mahu manuskrip berada terlalu lama di tangan editor. Tambahan pula penulis beranggapan bahawa manuskrip telah pun mantap setelah disunting dan proses seterusnya hanyalah pembaikan dan pengemaskinian. Dalam hal ini Pegawai Penerbitan juga turut sama membuat semakan pruf apabila manuskrip telah diperbetulkan. Tindakan tidak melibatkan editor dalam penyemakan seterusnya sebenarnya bukanlah satu prosedur yang tepat. Seseorang editor yang diberi tanggungjawab untuk menangani sesebuah manuskrip harus 'memegang' manuskrip berkenaan sehingga siap di peringkat NSK sepenuhnya.

### **5.1.2 Aspek sumber tenaga**

Masalah bebanan tugas merupakan satu perkara yang lumrah. Ia juga amat dirasakan oleh staf yang terlibat dalam penerbitan di PPPJJ. Penulis dan editor yang terdiri daripada pensyarah mempunyai banyak sebab mengapa mereka tidak dapat memberi tumpuan kepada tugas-tugas penulisan, penyemakan mahupun penyuntingan. Bebanan tugas dalam pengajaran serta aktiviti-aktiviti pembelajaran yang berterusan di PPPJJ amat dirasakan oleh mereka. Memang

ada yang berpendapat mudah mengajar secara jarak jauh kerana pelajar tidak berada di depan mata. Namun hakikatnya, aktiviti pembelajaran yang telah disusun atur sepanjang sidang akademik sememangnya tidak boleh diabaikan serta menuntut lebih tumpuan. Persediaan kuliah secara sidang video, penyemakan skrip ujian dan peperiksaan serta melayani permasalahan pelajar dari masa ke semasa adalah tugas yang perlu diutamakan oleh para pensyarah. Ini semakin ketara kepada pensyarah yang mengajar lebih daripada tiga kursus dan mempunyai bilangan pelajar melebihi 500 orang.

Begitu juga dengan jurutaip yang turut bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas pentadbiran yang lain. Bebanan tugas pentadbiran semakin ketara apabila tiba kepada aktiviti-aktiviti penting PPPJJ yang merupakan acara tahunan yang wajib bagi pelajar-pelajar PPPJJ. Aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan ialah, minggu orientasi pada bulan Mei, minggu pengedaran bahan pembelajaran pada setiap Mei dan Jun, minggu Intensif pada setiap bulan Oktober/November selama tiga minggu, dan juga minggu peperiksaan yang merangkumi aktiviti penyediaan soalan peperiksaan, pengawasan peperiksaan dan pemberian markah peperiksaan. Ini akan bermula pada sekitar bulan Januari setiap tahun. Kesibukan yang ketara ini telah memberi kesan yang sangat besar kepada kelancaran penyediaan manuskrip ke peringkat NSK serta tumpuan yang seharusnya perlu diberikan. Meskipun PPPJJ mempunyai seramai 10 orang jurutaip, namun setiap daripada mereka telah mempunyai tanggungjawab apabila pembahagian tugas diberikan. Penaipan hal-ehwal pentadbiran PPPJJ



persediaan pengajaran sidang video, soalan-soalan ujian dan peperiksaan di samping penaipan modul adalah antara tugas-tugas rasmi yang perlu diberi tumpuan.

Satu lagi masalah yang tidak tangani hingga kini ialah ketiadaan seorang pembaca prof. Dalam penerbitan buku, pembaca prof berperanan sebagai penyemak sesebuah manuskrip yang telah diperbetulkan oleh seorang jurutaip. Sekiranya ada kesilapan, manuskrip akan diserahkan kembali kepada jurutaip untuk pembetulan. pembaca prof akan menyerahkan sebuah manuskrip yang bersih kepada editor untuk tindakan selanjutnya. Namun keadaan ini tidak berlaku di PPPJJ. Tugas semakan prof akan dilakukan oleh Pegawai Penerbitan yang sememangnya telah mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab yang lain. Keadaan ini makin akan melewatkan proses seterusnya kerana Pegawai Penerbitan bukan saja terpaksa membuat semakan prof pada satu manuskrip malah mungkin tiga atau empat manuskrip dalam masa yang sama. Oleh itu sekiranya masalah ini dapat ditangani proses penerbitan akan menjadi lebih mantap dan cepat.

•

Meskipun begitu, usaha mempercepatkan penerbitan terus dipantau oleh Bahagian Pengeluaran dan Sistem Sokongan melalui perbincangan bersama semua pihak dari masa ke semasa. Masalah yang mungkin timbul ialah keperluan buku tersebut kepada pelajar yang akan memulakan pembelajaran khususnya melalui sidang video di sekitar bulan Jun setiap sidang akademik.

Keperluan mendesak untuk sesuatu buku itu diterbitkan juga boleh menimbulkan masalah jika manuskrip tidak dapat disemak dengan begitu teliti khususnya di peringkat NSK. Oleh yang demikian, PPPJJ seharusnya memikirkan kaedah-kaedah tertentu yang membolehkan usaha penerbitan dapat dilakukan mengikut masa.

### **5.1.3 Aspek kos**

Sebenarnya apabila membincangkan tentang aspek kos bagi penerbitan di PPPJJ pengkaji mendapati kos yang paling ketara sekali yang ditanggung oleh PPPJJ ialah kos pembelian buku bagi kegunaan para pelajarnya. Ini kerana kos pembelian buku pada setiap kali pesanan dibuat melibatkan jumlah yang besar terutamanya pembelian bagi buku yang digunakan oleh ramai pelajar. Setiap judul yang dipesan adalah mengikut jumlah pelajar yang mengambil sesuatu kursus itu. Pada kebiasaannya Kursus-kursus Universiti seperti kursus JUL 401-Bahasa Malaysia IV dan kursus JUJ 103-Pendidikan Jarak Jauh dan Literasi Komputer mempunyai bilangan pelajar yang ramai. Sebagai contoh buku *Khidmat Sokongan Pembelajaran* oleh Rozhan Mohamed Idrus yang telah diterbitkan oleh Utusan pada tahun 1999 sehingga kini telah menerima pesanan sebanyak 7,034 naskhah dengan harga RM16.00 senaskhah (maklumat daripada Bahagian Pemasaran Utusan Publications & Distributors). Buku ini digunakan oleh pelajar yang mengambil kursus JUJ 103-Pendidikan Jarak Jauh dan Literasi Komputer. Begitu juga dengan buku-buku Tamadun Islam dan

kursus-kursus Bahasa Inggeris. Inilah perbelanjaan yang paling ketara bagi Bahagian Pengeluaran dan Khidmat Sokongan di PPPJJ ini. Sebahagian besar daripada peruntukan kewangan untuk bahagian ini digunakan untuk tujuan pembelian buku.

Kos-kos lain yang lain terlibat seperti kos penyediaan NSK dan pembayaran kepada Penilai dan Pereka Pengajaran semuanya termasuk dalam kos pengurusan yang dibayar melalui Peruntukan Kewangan dari Vot 2700-Penerbitan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh. Ini termasuk kos pembelian peralatan keperluan seperti kertas, disket dan dakwat serta kos-kos pembaikan peralatan.

Dalam aspek penentuan harga buku kajian ini mendapati dalam kesemua projek penerbitan, harga buku ditentukan oleh penerbit yang mencetak buku. Sama ada Penerbit USM, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Utusan Publications and Distributors, merekalah yang menentukan harga buku. Pada kebiasaannya, tiada perbincangan dibuat antara kedua-dua pihak bagi menentukan kos yang masing-masing telah keluarkan. Oleh itu PPPJJ akan bersetuju dengan apa juga harga buku yang ditetapkan oleh pihak penerbit. Namun begitu PPPJJ tetap akan mendapat diskaun pembelian sebanyak 20% untuk setiap naskhah yang dibeli. Manakala bersama Penerbit USM, pembelian buku adalah pada harga kos.

Dalam dunia penerbitan penentuan harga buku mengambil kira kos-kos pengeluaran yang telah dikeluarkan. Kos-kos tersebut termasuklah :

- (i) Penilaian manuskrip
- (ii) Penaipan dalam komputer
- (iii) Ilustrasi
- (iv) Atur huruf dan mekap halaman
- (v) Indeks
- (vi) Kulit Buku
- (vii) Cetakan dan Kertas

Jumlah kos pengeluaran itu kemudiannya akan dibahagi dengan jumlah naskhah yang akan dicetak untuk menentukan harga buku. Jika diteliti penerbitan bersama DBP dan Utusan, perkara-perkara (i) hingga (v) adalah ditanggung sepenuhnya oleh PPPJJ. Namun PPPJJ maklum tentang harga buku yang tinggi mungkin disebabkan jumlah cetakan yang rendah berdasarkan jumlah naskhah yang diperlukan oleh PPPJJ sahaja.

Meskipun kos pembelian buku yang tinggi terpaksa ditanggung oleh PPPJJ, ini tidak menghalang PPPJJ untuk meneruskan usaha penerbitan siri ini. Satu perkara yang menjadi amalan pusat pengajian ini ialah menerbitkan seberapa banyak judul tanpa mengira jumlah naskhah yang diperlukan (bergantung kepada jumlah pelajar). Oleh itu akan terjadilah situasi apabila

sesebuah judul yang hanya digunakan oleh sejumlah pelajar yang kecil bilangannya (kurang daripada 50 pelajar) juga diterbitkan sedangkan PPPJJ perlu membuat pesanan sekurang-kurangnya 500 naskhah. Maka itu akan terjadilah jumlah simpanan stok yang berlebihan yang memakan masa bertahun untuk dihabiskan selain daripada kos pembelian yang tinggi terhadap naskhah tersebut. Ini berlaku kerana PPPJJ tidak mengambil kira kos penerbitan tetapi memberi perhatian kepada jumlah buku yang akan terbit setiap tahun.

Pada ketika ini PPPJJ telah mula menerbitkan buku ini bersama Penerbit USM. Satu perkara yang membezakan antara Penerbit USM dengan Utusan ialah persoalan masa untuk sesuatu buku dicetak. Pihak Utusan sangat memahami akan keperluan mendesak pihak PPPJJ terhadap sesuatu yang ingin diterbitkan. Terdapat keadaan di mana pihak Utusan hanya mempunyai masa dua minggu sahaja untuk menerbitkan sesebuah judul itu. Ini kerana manuskrip yang lengkap di peringkat NSK hanya dapat disiapkan pada saat akhir. Ini berlaku terutamanya sebelum minggu orientasi iaitu apabila pelajar-pelajar baru akan berada di dalam kampus selama dua ke tiga hari bagi menjalani acara-acara orientasi mereka sebagai pelajar baru. Pada masa ini PPPJJ akan memastikan semua buku-buku yang diperlukan akan dapat disediakan lebih awal agar buku dapat diedarkan kepada pelajar. Perkara ini perlu dilakukan supaya PPPJJ dapat menjimatkan kos penghantaran bahan kepada pelajar-pelajar baru. Sebagai contoh untuk Sidang Akademik 2004/2005 jumlah pelajar baru rancangan pengajian ini ialah seramai 1334 orang meliputi 527 pelajar Ilmu

Kemanusiaan, 302 pelajar Pengurusan, 271 pelajar Sains, 190 pelajar Sains Kemasyarakatan dan 44 orang pelajar Pra Sains. Daripada jumlah 1334 pelajar ini, seramai 1994 orang merupakan pelajar Semenanjung manakala selebihnya 48 orang pelajar Sabah dan 92 orang pelajar Sarawak (Buletin Pelapor, 2004). Pelajar-pelajar baru ini akan menerima bahan-bahan pembelajaran mereka semasa mereka berada di USM bagi mengikuti minggu orientasi. Sekiranya buku tidak terbit sebelum tarikh pelajar baru ini mendaftar diri, PPPJJ bertanggungjawab mengedarkan bahan-bahan itu kepada semua pelajar.

Seandainya purata kos penghantaran bagi setiap pelajar ialah RM20.00, PPPJJ telah dapat menjimatkan sejumlah RM26,680.00. Ini merupakan satu jumlah yang besar. Oleh yang demikian keperluan memastikan bahan dapat diterbitkan mengikut masa yang diperlukan adalah satu keperluan yang sangat mendesak.

Secara kesimpulannya dapat dikatakan bahawa kos-kos yang ditanggung oleh PPPJJ dalam aspek pembelian buku mahupun kos penghantaran seandainya buku tidak disiapkan menentapi masa adalah tinggi. PPPJJ harus memikirkan secara terperinci dan membuat perkiraan mendalam untuk menangani masalah ini.

#### 5.1.4 Aspek pemasaran

Jika diteliti perjalanan proses penerbitan buku Siri Pendidikan Jarak Jauh ini, kita akan dapati aspek pemasaran tidak langsung diberi tumpuan oleh PPPJJ. Itu sememangnya satu kenyataan kerana tumpuan PPPJJ adalah kepada usaha menerbitkan buku untuk keperluan pelajarannya sahaja. Oleh itu PPPJJ hanya memastikan bahawa buku dapat diterbitkan untuk memenuhi keperluan pelajarannya sahaja.

Sewaktu menjalin kerjasama penerbitan dengan DBP, tiada langsung aspek pemasaran buku ini dinyatakan dalam perjanjian kecuali tugas DBP adalah untuk mencetak dan menguruskan pembayaran royalti kepada penulis dan penyunting. PPPJJ mendapati DBP hanya mencetak buku ini dan mengikut jumlah keperluan PPPJJ. Namun DBP tetap akan meletakkan beberapa naskhah di kedai-kedai cawangan mereka. Secara tidak langsung ini juga satu bentuk pemasaran.

Namun begitu penerbitan bersama Utusan telah melakukan sedikit perubahan apabila pihak Utusan turut memasukkan elemen pemasaran bagi setiap judul yang diterbitkan. Perkara ini turut termaktub di dalam surat perjanjian. Untuk tujuan itu Utusan turut melakukan aktiviti pemasaran buku siri ini sama ada melalui laman web Utusan, brosur yang diedarkan, melalui pameran-pameran yang diadakan di seluruh negara, poster terbitan baru Utusan

dan melalui pameran di kedai-kedai Utusan. Pihak Utusan mengambil kira jumlah cetakan bagi setiap judul iaitu melebihi kira-kira 10% daripada jumlah yang diperlukan untuk kegunaan pelajar jarak jauh.

Melalui maklumat pemasaran yang pengkaji peroleh daripada Bahagian Pemasaran Utusan, diketahui bahawa buku Siri Pendidikan Jarak Jauh yang laku di pasaran terbuka ialah buku-buku Bahasa Inggeris yang ditulis oleh Datin Rose Tunku Ismail. Maklumat daripada data jualan buku ini menunjukkan bahawa buku-buku ini paling banyak diulang cetak hasil daripada permintaan pasaran luar. Maklumat yang didapati menunjukkan bahawa buku-buku ini menjadi rujukan dan panduan pelajar-pelajar kolej dan institusi pengajian tinggi swasta. Contohnya buku *A Student's Guide to Writing* (RM 37.00) - telah diulang cetak sebanyak tiga kali sebanyak 4,500 naskhah. Begitu juga buku *A Guide to Listening for Specific Purpose* (RM36.50) telah diulang cetak sebanyak tiga kali berjumlah 3,100 naskhah (Data Jualan Siri Pendidikan Jarak Jauh Utusan).

•Sesungguhnya buku Siri Pendidikan Jarak Jauh mempunyai potensi di pasaran terbuka memandangkan sistem pengajian jarak jauh kini lebih meluas ditawarkan oleh beberapa buah universiti tempatan. Kajian yang mendalam untuk aspek ini perlu dilakukan lebih terperinci supaya siri ini dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai lagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian jarak jauh.



## 5.2 Cadangan Penambahbaikan

Setelah kita melihat permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh PPPJJ dalam penerbitan siri ini, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan yang mana sekiranya berjaya dilaksanakan dapat menambahkan lagi keberkesanan penerbitan siri ini.

### 5.2.1 Wujudkan satu kumpulan kerja (*team work*) bagi tiap manuskrip

Kejayaan penerbitan sesebuah buku adalah melalui kerja berpasukan (*team work*). Mustahil sesebuah buku dapat diterbitkan tanpa ada kerjasama khususnya antara penulis, editor dan jurutaip. Untuk memantapkan lagi penerbitan sesuatu judul di PPPJJ, pengkaji mencadangkan diwujudkan satu kumpulan kerja (*team*) melibatkan penulis, editor, jurutaip dan pegawai penerbitan bagi setiap judul. Kumpulan ini akan memastikan penyediaan manuskrip ke tahap NSK berjalan lancar dengan setiap orang memainkan komitmen yang padu terhadap tugas mereka. Adakan perbincangan atau bermesyuarat sekerap yang dapat, jika boleh setiap minggu supaya pemantauan dapat dilakukan. Dengan cara ini juga masalah-masalah semasa yang timbul akan dapat di atasi secara bersama. Sekiranya semua ahli kumpulan ini memainkan peranan dengan baik sudah pasti semua tugas dapat dilaksanakan dan masalah dapat di atasi bersama. Komitmen adalah satu perkara yang sangat penting untuk memastikan semua sasaran tercapai. Kumpulan kecil ini

akan bersama-sama bertanggungjawab terhadap sesebuah manuskrip sehingga ia siap sepenuhnya dalam bentuk NSK.

### **5.2.2 Kemaskini aspek sumber tenaga**

Di mana-mana tempat kerja, masalah bebanan tugas adalah satu perkara lumrah. Begitu juga di PPPJJ. Selain daripada tugas-tugas berkaitan penerbitan, staf yang sama juga akan mengendalikan pelbagai tugas hakiki yang lain khususnya berkaitan dengan aspek pengajaran dan pentadbiran. Namun begitu sekiranya PPPJJ sangat memandang serius tentang penerbitan, perbincangan harus dilakukan untuk mengatasi masalah ini.

Di PPPJJ editor dipilih dari kalangan pensyarah dalam bidang-bidang berkaitan khususnya bagi buku teknikal. Pemilihan editor yang komited sangat penting supaya dapat memberi lebih tumpuan kepada manuskrip sehingga siap dan sempurna. Pengkaji mencadangkan editor dilantik daripada kalangan pensyarah yang tidak memegang jawatan dalam pentadbiran PPPJJ seperti Pengerusi Rancangan misalnya. Seseorang editor juga harus menangani manuskrip sehingga siap NSK sepenuhnya dengan penuh rasa tanggungjawab.

Begitu juga dengan staf sokongan (jurutaip) yang perlu menangani manuskrip di peringkat mekap. Mereka harus diberi peluang untuk memberi tumpuan pada kerja mekap buku tanpa diganggu oleh tugas-tugas pentadbiran

yang lain. Oleh kerana PPPJJ mempunyai seramai 10 orang jurutaip. Satu agihan tugas yang lebih kemas perlu dilakukan supaya beban tugas mereka lebih adil. Jurutaip yang sedang menangani manuskrip di peringkat mekap harus diberi peluang untuk memberi tumpuan kepada tugas berkenaan. Sekiranya ini dapat dilakukan manuskrip yang ditangani dapat disiapkan lebih cepat daripada tarikh ia diperlukan.

PPPJJ harus mewujudkan jawatan Pembaca Pruf yang sememangnya diperlukan dalam urusan penyediaan NSK. Dengan adanya seorang Pembaca Pruf akan dapat mempercepatkan tugas dan manuskrip tidak akan 'tersangkut' di tangan penulis atau pegawai penerbitan untuk membuat semakan berulang kali. Sekiranya PPPJJ belum mempunyai 'post' untuk jawatan tersebut, PPPJJ harus memikirkan untuk mencari staf sementara yang kemudiannya mungkin boleh diserapkan sebagai Pembaca Pruf tetap di sini.

Satu pemantauan yang rapi harus dilaksanakan sepanjang pengendalian prosedur penerbitan. Pemantauan dari masa ke semasa perlu dilakukan oleh pengurusan di Bahagian Pengeluaran dan Khidmat Sokongan dengan cara yang rapi dan berhemah serta melalui urusan surat-menyurat yang teratur. Pengiriman e-mel dan SMS juga boleh dilakukan sebagai satu cara perhubungan yang lebih berkesan.

### 5.2.3 Kaji keberkesanan kos penerbitan

Inilah satu perkara yang harus ditangani oleh PPPJJ. Perancangan yang rapi tentang kos penerbitan khususnya kos pembelian buku oleh PPPJJ mesti di atasi dengan cara membuat perancangan yang rapi terhadap penerbitan sesuatu judul itu. PPPJJ harus mengambil kira jumlah pelajar yang akan menggunakan buku tersebut. Prosedur menerbitkan buku tanpa mengambil kira jumlah pelajar perlu diubah. Menerbitkan sesebuah buku ilmiah khususnya buku teknikal sememangnya berkos tinggi dan ini dapat dilihat daripada harga buku. Oleh kerana PPPJJ perlu membuat pesanan pertama sebanyak minimum 500 naskhah (merujuk kepada penerbitan dengan Utusan) buku yang diterbitkan harus digunakan oleh bilangan pelajar sekurang-kurangnya 100 orang. Ini dapat mengelakkan penyimpanan stok yang banyak dan dalam tempoh yang lama. Bayangkan sekiranya PPPJJ membuat pesanan pertama sebanyak 500 naskhah sedangkan jumlah pelajar adalah kurang daripada 50 naskhah. Kos pembelian yang harus ditanggung juga sudah tinggi ditambah pula dengan faktor penyimpanan stok yang berlebihan. Ini telah menggambarkan satu contoh penerbitan buku yang tidak paraktikal.

Satu perbincangan yang teliti perlu dilakukan berkaitan dengan kos pembelian buku pada setiap tahun. Sekiranya perancangan teliti dilakukan serta penerbitan sesebuah buku itu lebih praktikal kos pembelian buku dapat dikurangkan dan diagihkan kepada perkara-perkara lain pula. Dalam hal ini

PPPJJ harus mencontohi amalan yang dilakukan oleh penerbit-penerbit swasta. Di syarikat penerbitan swasta, keputusan untuk menerbitkan sesuatu judul itu satu mesyuarat akan diadakan secara formal dengan membentangkan maklumat-maklumat berikut:

- (i) Laporan penerbitan
- (ii) Laporan penilaian pembaca/pembeli
- (iii) Laporan pemasaran
- (iv) Laporan Pengeluaran

Dengan perbincangan tersebut, syarikat telah mendapat gambaran tentang keberkesanan sesuatu judul itu diterbitkan sebelum keputusan seterusnya dibuat. PPPJJ harus mengambil contoh yang baik ini supaya tiada berlaku ketidak berkesanan penerbitan sesebuah judul.

#### **5.2.4 Perluas aspek promosi dan pemasaran**

Seperti yang telah dinyatakan terdahulu, aspek ini tidak menjadi tumpuan bagi PPPJJ. Utusan menjalankan pemasaran luar bagi siri ini. Namun PPPJJ boleh memperkenalkan siri ini melalui penyertaan dalam pameran di institusi-institusi pengajian tinggi ataupun semasa staf menghadiri seminar, kursus dan bengkel khususnya yang berkaitan dengan pendidikan jarak jauh. Promosi melalui laman web juga boleh dilakukan. Walaupun PPPJJ tidak menjual secara langsung namun bagi yang ingin membelinya boleh mendapatkannya di kedai-kedai buku

universiti tempatan mahupun daripada Utusan sendiri. Jualan tinggi bagi buku ilmiah sebenarnya memberi galakan kepada penulis untuk terus menyumbangkan kepakaran melalui penulisan buku.

### **5.2.5 Pemantap kemahiran staf**

Faktor sumber tenaga merupakan satu faktor yang sangat penting. Kejayaan sesebuah organisasi bergantung kepada kecekapan dan komitmen staf dalam menjalankan tugas mereka. Wawasan organisasi akan mudah tercapai sekiranya mempunyai sumber tenaga yang berkemahiran, positif dan mampu mempamerkan komitmen yang tinggi terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan. Staf harus diberi pendedahan kepada perkembangan teknologi penerbitan terkini. Satu daripada caranya ialah staf diberi peluang melawat syarikat-syarikat penerbitan yang terkenal dan melihat bagaimana cara kerja yang dilakukan di staf di syarikat-syarikat tersebut. Kursus dan latihan bukan saja dalam hal kemahiran malah dari sudut motivasi diri juga amat penting untuk pembangunan diri demi melahirkan staf yang cemerlang dan dapat menjalankan tugas dengan baik.

Meskipun staf PPPJJ telah menjalankan tugas dengan cemerlang dan mampu memenuhi matlamat penerbitan PPPJJ, namun tidak dinafikan kadangkala tekanan kerja yang dihadapi boleh menurunkan tahap motivasi mereka. Oleh itu cadangan di atas diharap dapat membawa pembangunan diri

yang positif bagi mereka agar dapat menjalankan tugas dengan lebih baik pada masa akan datang.

### **5.3 Penutup**

PPPJJ sangat beruntung kerana berada di bawah bumbung sebuah institusi pengajian tinggi yang berwibawa iaitu Universiti Sains Malaysia (USM). USM seperti juga universiti-universiti tempatan yang lain, adalah sebuah universiti yang sangat menggalakkan staf khususnya dalam bidang akademik meyalurkan kepakaran melalui penulisan-penulisan ilmiah. Sokongan dan galakan sentiasa diberikan seperti memberi penilaian markah yang tinggi kepada staf yang dapat menghasilkan penerbitan ilmiah mereka di dalam Laporan Prestasi Staf yang dibuat setiap tahun. Perkara ini harus di manfaatkan oleh staf PPPJJ kerana sekiranya mereka terus aktif menulis dan menerbitkan lebih banyak buku melalui program-program penerbitan yang telah dirangka oleh pusat pengajian, mungkin akan wujud peluang-peluang lain seperti projek terjemahan siri, kerjasama dengan institusi luar negara dan sebagainya.

PPPJJ juga mempunyai kelebihan lain yang harus dimanfaatkan dalam usaha mempertingkatkan jumlah penerbitan. Mempunyai staf pengurusan dan sokongan yang komited dan berpengalaman dalam bidang penerbitan dan pendidikan jarak jauh, memiliki pelbagai bentuk bahan pengajaran dan diberi sejumlah peruntukan untuk menggerakkan segala perancangan khususnya

penerbitan. Untuk masa akan datang PPPJJ harus memperbaiki siri ini dalam segala aspek. Umpamanya reka bentuk teks yang lebih kreatif atau penggunaan grafik berwarna yang menarik.

Kesimpulannya, kajian ini telah dapat memperlihatkan usaha sebuah pusat pengajian menerbitkan buku Siri Pendidikan Jarak Jauh yang berkualiti untuk dijadikan buku teks bagi seramai lebih 4,000 orang pelajar pengajian ini di seluruh negara. Penerbitan siri ini yang bermula sejak 22 tahun yang lalu berjaya menjadi perantara antara pensyarah dan pelajar. Kejayaan rancangan pengajian ini melahirkan seramai 11,130 orang graduan di pelbagai bidang telah membuktikan bahawa buku ini telah memberi sumbangan kepada kejayaan pelajar jarak jauh dan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia khususnya.